

23 OCT 1998

Belanjawan-Reaksi (Kelantan)

PAS SIFATKAN BELANJAWAN 1999 PENUH HARAPAN

KOTA BAHARU, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan Pas menganggap Belanjawan 1999 sebagai belanjawan yang penuh dengan harapan tetapi belum mampu memulihkan ekonomi dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman berkata negara mungkin sukar mencapai pertumbuhan satu peratus seperti yang dijangkakan.

Ketika diminta mengulas pembentangan Belanjawan 1999 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, Abdul Halim berkata peruntukan besar termasuk untuk prasarana dan pembangunan desa juga tidak dapat menjana dan memulihkan ekonomi.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Kelantan (PPK) menyambut baik Belanjawan 1999 yang dianggapnya sebagai melegakan rakyat.

Yang Dipertuanya, Yusuf Ahmad, berkata walaupun dalam kegawatan ekonomi, kerajaan tidak memaksa rakyat memikul beban itu sebaliknya cuba meringankan tekanan inflasi.

"Lebih ketara tiada cukai baru yang diperkenalkan dan ini menyakinkan rakyat bahawa usaha-usaha kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi semakin terserlah," katanya ketika dihubungi di sini.

Yusuf berkata rakyat yang cintakan cara hidup sihat perlu menyokong tindakan kerajaan menaikkan cukai terhadap rokok, arak dan judi.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan, Adnan Kechik, juga menyambut baik perhatian kerajaan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan petani di negara ini.

Pertambahan subsidi baja dan harga padi menunjukkan kerajaan prihatin terhadap nasib petani dengan memberi ruang untuk membaiki ekonomi para petani, katanya.

Beliau berkata langkah itu juga akan dapat mengurangkan import beras dan meningkatkan pengeluaran beras negara.

-- BERNAMA

WM BD NAK